



# The Observer

15.12.2023

## ❖ Charlie Munger: Minda Serba Boleh Di Sebalik Kejayaan Berkshire Hathaway

Charlie Munger, naib pengerusi Berkshire Hathaway yang juga sahabat lama dan rakan kongsi perniagaan Warren Buffett, meninggal dunia pada November 2023, kira-kira sebulan sebelum beliau mencecah usia satu abad.

Munger dilahirkan pada Hari Tahun Baru 1924 dan merupakan pelabur, ahli perniagaan dan dermawan Amerika Syarikat. Sering dikenali sebagai orang kanan Buffett, Munger memainkan peranan penting dalam kejayaan salah sebuah konglomerat paling terkemuka di dunia. Melangkaui hubungannya dengan Buffett, Munger dihormati kerana menggunakan pendekatan pelbagai disiplin sewaktu membuat keputusan, mempunyai akal yang cerdas serta pandangan yang mendalam tentang pelaburan dan kehidupan.

### **Kehidupan Awal dan Pendidikan**

Munger dibesarkan di Omaha, Nebraska dan ketika menginjak usia remaja, beliau mula menunjukkan bakat dalam bidang matematik. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran di Universiti Michigan selama tiga tahun dalam jurusan matematik sebelum mengambil keputusan untuk berhenti demi menyertai Tentera Udara Amerika Syarikat sewaktu Perang Dunia Kedua. Selepas perang, Munger menyambung pengajian di Harvard Law School dan kemudiannya menyertai sebuah firma guaman di Los Angeles.

### **Perkongsian Pelaburan dan Berkshire Hathaway**

Pada penghujung 1950-an, Munger menubuhkan firma guamannya sendiri, namun minat sebenar beliau adalah dalam bidang pelaburan. Beliau memulakan perniagaan perkongsian pada awal 1960-an dan telah menempuh beberapa siri penggabungan, yang mana ia akhirnya berkembang menjadi sebuah firma yang kemudiannya diambil alih oleh Berkshire Hathaway. Munger menyertai Berkshire Hathaway sebagai Naib Pengerusi pada tahun 1978, menandakan permulaan sebagai salah sebuah perniagaan perkongsian paling berjaya dalam dunia kewangan.

### **Pendekatan Pelaburan Munger**

Pendekatan pelaburan Charlie Munger dicirikan oleh set prinsip dan model mental yang menekankan perspektif menyeluruh serta menggunakan pelbagai cabang

disiplin dalam membuat keputusan. Meskipun Buffett sering dikaitkan dengan pelaburan nilai, Munger melengkapkan pendekatan ini dengan menerapkan pelbagai pengaruh yang lebih luas, termasuk psikologi, ekonomi serta pelbagai disiplin akademik. Berikut ialah aspek utama falsafah pelaburan Munger:

1. **Kerangka Model Mental:** Munger dikenali kerana menyokong penggunaan kerangka model mental, yang menerapkan pemerhatian daripada pelbagai disiplin ilmu seperti psikologi, biologi, fizik dan ekonomi. Beliau percaya pemahaman yang luas dalam bidang yang berbeza mampu memberikan pandangan yang lebih komprehensif tentang cara dunia berfungsi, yang membantu membuat keputusan yang lebih baik. Berdasarkan kerangka ini, kita juga perlu menggunakan kesemua ilmu pengetahuan yang ada bagi memahami aspek asas dan tingkah laku pelaburan.
2. **Berfikir secara menyongsang:** Munger sering menggunakan konsep penyongsangan (*inversion*), yang melibatkan cara berfikir ke belakang dengan mempertimbangkan potensi masalah dan halangan. Beliau tidak menekankan semata-mata kepada persoalan "Apakah yang perlu saya lakukan?", sebaliknya "Apakah perkara yang perlu saya elakkan?". Pendekatan ini membantu mengurangkan risiko dan menambah baik kualiti proses membuat keputusan. Misalnya, apabila kita merasionalkan sebab-sebab kita perlu melabur dalam saham tertentu, kita juga perlu membuat pertimbangan mengapa kita tidak sepatutnya melabur dalam saham tersebut. Hanya dengan cara inilah kita dapat menilai kebaikan dan keburukan sebelum membuat keputusan.
3. **Bidang Kecekapan:** Seperti Buffett, Munger menekankan supaya kita berada dalam bidang kecekapan masing-masing. Pelabur seharusnya memberikan tumpuan terhadap perniagaan dan industri yang mereka fahami secara mendalam, yang membolehkan mereka mengumpulkan maklumat untuk membuat keputusan pelaburan yang lebih rasional. Munger pernah menyebut, "Pelaburan ibarat permainan siapa lebih pandai membuat ramalan tentang masa depan." Dengan kata lain, melaburlah dalam pelaburan yang anda fahami.
4. **Parit Pertahanan Ekonomi:** Munger dan Buffett menegaskan kepentingan mengenal pasti perniagaan yang mempunyai parit pertahanan ekonomi (*economic moats*) iaitu kelebihan daya saing yang mampan yang melindungi syarikat daripada pesaing. Perniagaan yang mempunyai parit pertahanan yang kukuh berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi cabaran dan menjana nilai dalam jangka panjang.
5. **Margin Keselamatan:** Munger mengamalkan konsep margin keselamatan (*margin of safety*), yang melibatkan pembelian aset pada harga yang jauh lebih rendah berbanding nilai intrinsiknya. Pendekatan ini menyediakan penamparan terhadap risiko yang tidak dijangka serta turun naik pasaran. 2M ini amat penting dalam pelaburan iaitu parit pertahanan (*moat*) dan margin keselamatan yang mana keteguhan perisai ini menandakan perlindungan yang lebih kukuh.
6. **Perspektif Jangka Panjang:** Munger menggalakkan pelabur untuk melabur dalam jangka panjang. Beliau percaya kepada amalan memegang pelaburan yang berkualiti untuk tempoh yang lama. Ini membolehkan pelabur mendapat

manfaat daripada kuasa pengkompaunan dan tidak membuang masa memfokuskan kepada turun naik pasaran dalam jangka pendek.

7. **Kebebasan Berfikir Dan Berfikir Secara Bebas:** Munger menghargai kebebasan berfikir dan menggesa pelabur supaya berfikir untuk diri sendiri. Walaupun terdapat keperluan untuk belajar daripada orang lain, namun mengikuti khalayak secara membuta tuli boleh menyebabkan kita membuat keputusan yang tidak tepat. Munger amat mementingkan pemikiran kritis dan kebebasan intelektual. Setiap gelembung mempunyai premis tersendiri terhadap tingkah laku manusia dan kita semua tahu bagaimana kesudahan gelembung-gelembung itu.
8. **Pembelajaran Berterusan:** Munger seorang pembaca tegar yang menekankan betapa pentingnya pembelajaran yang berterusan. Beliau percaya perasaan ingin tahu dan fikiran yang terbuka menjadi faktor kritikal untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang sentiasa berubah-ubah dan membuat keputusan termaklum. Apa yang kita tahu itu penting, namun yang lebih penting adalah menyedari betapa banyak lagi yang kita tidak tahu. Antara prasyarat untuk menjadi pelabur yang berjaya ialah sentiasa merendah diri dan mengetepikan ego.

Maka, apakah perbezaan pendekatan pelaburan Charlie Munger berbanding yang lain? Beliau mempraktikkan pemikiran pelbagai disiplin, memberikan penekanan terhadap model mental, pemikiran secara menyongsang, fokus kepada bidang kecekapan, mengiktiraf parit pertahanan ekonomi, patuh kepada margin keselamatan, perspektif jangka panjang, kebebasan pemikiran dan komitmen untuk pembelajaran yang berterusan. Kebijaksanaan dan prinsip Munger bukan sahaja menjadi penyumbang utama kepada kejayaan Berkshire Hathaway malah mempengaruhi ramai pelabur yang mencari-cari tatacara yang lebih holistik dan bertimbang rasa terhadap dunia kewangan.

Charlie Munger mungkin sudah bertemu Sang Pencipta, namun kebijaksanaan dan ajaran beliau tetap segar dan akan terus tersebar sampai bila-bila, selagi kita mengamalkannya.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 18 hingga 22 Disember 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
19.12.23 (Selasa) 09.00 pagi	Borneo Oil Berhad (AGM)	Walaupun terdapat penurunan kecil sebanyak 2.87% dalam jumlah pendapatan kepada RM84.99 juta pada tahun kewangan 2023,

		<p>keputusan BornOil bertukar rugi pada tahun kewangan 2023, dengan kerugian bersih sebanyak RM13.2 juta berbanding keuntungan berjumlah RM54.1 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Prestasi kesemua bahagian perniagaan pada tahun kewangan 2023 kurang memberangsangkan, kecuali Ibu Pejabat dan Lain-lain. Keuntungan Ibu Pejabat untuk tahun fiskal sebahagian besarnya didorong oleh keuntungan nilai saksama ke atas sekuriti disebut harga.</p>
21.12.23 (Khamis) 10.30 pagi	Seal Incorporated Berhad (AGM)	<p>Pendapatan SEAL Group pada tahun fiskal berakhir 30 Jun 2023 melonjak kepada RM51.5 juta, dengan peningkatan luar biasa sebanyak 440% tahun ke tahun daripada RM9.5 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.</p> <p>SEAL Group mencatatkan untung sebelum cukai sebanyak RM16.1 juta pada tahun kewangan 2023, peningkatan yang mendadak daripada RM3.9 juta pada tahun kewangan 2022.</p>
21.12.23 (Khamis) 09.30 pagi	MCE Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan MCE meningkat dengan ketara sebanyak 46.37% tahun ke tahun kepada RM154.89 juta (tahun kewangan berakhir 2022: RM105.82 juta) manakala untung selepas cukai turut melonjak 91.42% kepada RM15.39 juta berbanding RM8.04 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan berakhir 2022. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi produk Kumpulan yang berpunca daripada peningkatan dalam jualan kereta.</p> <p>Prestasi kewangan Kumpulan dijangka positif, berdasarkan jangkaan prospek yang positif untuk industri automotif pada masa hadapan.</p>
21.12.23 (Khamis) 11.00 pagi	MCE Holdings Berhad (EGM)	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan terbitan bonus 61.78 juta saham biasa baharu dalam MCE berdasarkan satu saham bonus bagi setiap satu saham MCE sedia ada</p>

		yang dipegang. Pada masa yang sama, syarikat bercadang untuk menerbitkan 61.78 juta waran bonus berdasarkan satu waran bagi setiap dua saham MCE yang dipegang selepas cadangan terbitan bonus saham pada tarikh kelayakan waran.
22.12.23 (Jumaat) 10.00 pagi	Xidelang Holdings Ltd (AGM)	<p>Kumpulan merekodkan pendapatan berjumlah kira-kira RMB451.3 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 berbanding RMB443.9 juta pada tahun kewangan berakhir 2022, mewakili pertumbuhan sebanyak 1.7%. Penjajaran semula strategi Kumpulan untuk memberikan tumpuan kepada segmen Pengeluar Reka bentuk Asal (<i>Original Design Manufacturer</i>, ODM) ternyata membuahkan hasil apabila jualan yang lebih tinggi direkodkan daripada segmen ODM pada tahun kewangan berakhir 2023.</p> <p>Kumpulan mencatatkan rugi bersih kira-kira RMB23.5 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan berakhir 2022: rugi bersih kira-kira RMB141.0 juta), terutamanya disebabkan oleh penurunan perbelanjaan operasi secara keseluruhan.</p>
22.12.23 (Jumaat) 10.30 pagi	Iconic Worldwide Berhad (EGM)	<p>Iconic Worldwide berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk tiga resolusi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan pemerolehan kepentingan ekuiti dalam Goldenluck Development Sdn Bhd daripada Dato' Sri Tan Kean Tet ('DSTKT') dan Tan Seok Ying dengan balasan tunai berjumlah RM39.8 juta. Goldenluck memiliki tanah seluas 6.07 hektar di Paya Terubong, Pulau Pinang.</li> <li>- Cadangan terbitan hak sehingga 1.12 bilion saham baharu berdasarkan dua saham hak bagi setiap satu saham sedia ada yang dipegang, bersama-sama sehingga 749.8 juta waran percuma berdasarkan dua waran bagi setiap tiga saham hak yang dilanggan oleh pemegang saham.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan pengecualian untuk melaksanakan tawaran pengambilalihan mandatori oleh DSTKT dan orang yang bertindak bersama-sama beliau (<i>persons acting in concert, PAC</i>) yang timbul daripada aku janji mereka untuk melanggan saham hak dan melaksanakan waran.</li> </ul>
22.12.23 (Jumaat) 11.00 pagi	EUPE Corporation Berhad (EGM)	<p>Syarikat mencadangkan resolusi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan Penempatan Persendirian sehingga 19.2 juta saham baharu dalam EUPE, mewakili 15% daripada jumlah saham terbitan.</li> <li>- Cadangan Penubuhan Pelan Insentif Jangka Panjang (<i>Long Term Incentive Plan, LTIP</i>) sehingga 15% daripada jumlah saham yang diterbitkan.</li> <li>- Cadangan memperuntukkan anugerah di bawah Cadangan LTIP kepada setiap ahli Lembaga Pengarah dan orang yang berkaitan dengan Pengarah Urusan Kumpulan.</li> </ul>
22.12.23 (Jumaat) 11.00 pagi	AT Systemization Berhad (EGM)	<p>Syarikat mencadangkan penyatuan saham yang mana setiap 30 saham sedia ada yang dipegang akan disatukan menjadi satu saham. Bilangan saham yang lebih rendah dalam pasaran boleh mengurangkan turun naik harga dagangan bagi saham tersebut.</p> <p>Syarikat juga mencadangkan untuk mengurangkan modal saham terbitannya melalui pembatalan modal saham terbitan yang hilang atau tidak diwakili oleh aset sedia ada sebanyak RM260.0 juta menurut Seksyen 116, Akta Syarikat 2016. Ia membolehkan Syarikat mengurangkan kerugian terkumpul serta meningkatkan semula kredibiliti mereka.</p>

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

**Syarikat**

Borneo Oil Berhad  
(AGM)

**Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan**

Berdasarkan pengumuman bertarikh 27 Julai 2023, BornOil menandatangani Perjanjian Jualan Saham (*Share Sale Agreement, SSA*) dengan Global 2332 Ltd ('Penjual') untuk memperoleh tambahan 20% pegangan dalam Makin Teguh Sdn Bhd ('MTSB') dengan bayaran RM40 juta secara tunai (dirujuk sebagai 'Pengambilalihan'). Pada masa ini, BornOil memegang 29.71% kepentingan dalam MTSB. Selepas pengambilalihan dimuktamadkan, BornOil akan memegang 49.71% kepentingan dalam MTSB.

- a) Pegangan sebanyak 20% yang dicadangkan adalah lebih rendah daripada 22% untuk RM40 juta seperti yang diumumkan pada 19 Mei 2023. Cadangan pegangan sebanyak 22% ini akan menjadikan MTSB sebagai anak syarikat 51.27% milik BornOil, sekali gus membolehkan BornOil menyatukan sepenuhnya keputusan kewangan MTSB. Sebaliknya, pengaturan semasa akan mengekalkan MTSB sebagai sebuah syarikat bersekutu BornOil, meskipun memegang kepentingan sebanyak 49.71%.

Mengapakah saiz pegangan yang diperoleh lebih rendah daripada sebelum ini, yang menyebabkan BornOil tidak dapat meraih faedah daripada Pengambilalihan sepenuhnya?

- b) Menurut syarat-syarat Perjanjian Jualan Saham, Pertimbangan Pembelian hendaklah dipenuhi dengan cara berikut:

Payment terms	Timing	RM	%
First Payment	Upon execution of the SSA	34,000,000	85
Balance Sum	Within 30 days from the fulfilment of the conditions precedent	6,000,000	15
<b>Total</b>		<b>40,000,000</b>	<b>100</b>

Sumber: Halaman 5, pengumuman bertarikh 27 Julai 2023

Sebagai perbandingan, cadangan pada Mei 2023 mengesyorkan supaya pembayaran dibuat secara berperingkat sebanyak 30%, 45% dan 25% daripada jumlah Pertimbangan Pembelian (Halaman 5, pengumuman bertarikh 19 Mei 2023).

Mengapakah BornOil membuat pembayaran dalam jumlah yang besar kepada Penjual sebelum memenuhi syarat-syarat terdahulu, lebih-lebih lagi apabila tidak mendapat kuasa pengawalan MTSB selepas selesai Pengambilalihan ini?

Apakah panduan yang diberikan oleh Lembaga kepada pihak Pengurusan semasa merundingkan syarat-syarat pembayaran?

	<p>Adakah wang itu dimasukkan ke dalam akaun eskrow buat masa sekarang?</p> <p>Apakah status terkini Pengambilalihan itu?</p>
<p>Seal Incorporated Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan sedang menerokai bidang tenaga boleh diperbaharui daripada biojisim yang akan membolehkannya membangunkan model perniagaan yang lebih berdaya tahan serta menjana pendapatan dan keuntungan yang lebih konsisten. (Halaman 6, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Adakah kepentingan ekuiti Kumpulan dalam syarikat tenaga boleh diperbaharui daripada biojisim itu?</p> <p>b) Adakah perniagaan tenaga boleh diperbaharui daripada biojisim sudah mula beroperasi? Jika belum, bilakah ia dijangka akan mula beroperasi?</p> <p>c) Bilakah perniagaan tenaga boleh diperbaharui daripada biojisim ini dijangka dapat menjana keuntungan?</p> <p>d) Berapakah harga jualan untuk tenaga biojisim mengikut kilowatt-jam (<i>kilowatt-hour, kWh</i>)?</p> <p>e) Adakah Kumpulan berjaya mendapatkan kontrak berjangka panjang untuk penjualan tenaga biojisim? Jika ya, sila nyatakan nama pembeli dan tempoh kontraknya.</p>
<p>MCE Holdings Berhad (AGM)</p>	<p><b>Pelaburan dalam anak syarikat (Nota 5, Halaman 79 dan 80, Laporan Tahunan 2023):</b></p> <p>1. Pada tahun kewangan sebelum ini, Multi-Code Electronics Industries (M) Berhad ('MCEI') telah memperbadankan sebuah anak syarikat milik penuh iaitu MCE EV Solutions Sdn. Bhd. ('MESSB') dengan modal terbitan dan berbayar permulaan sebanyak satu saham biasa yang diterbitkan pada harga RM1.00 sesaham. Selepas itu, MCEI memperoleh tambahan 2,499,999 saham biasa baharu MESSB dengan pertimbangan berjumlah RM2,499,999.</p> <p>Pada tahun kewangan sebelum ini, MCE Ventures Sdn. Bhd. ('MVSb) telah memperbadankan sebuah anak syarikat milik penuh iaitu GEM Technologies Sdn. Bhd. ('GTSB') dengan modal terbitan dan berbayar permulaan sebanyak satu saham biasa yang diterbitkan pada harga RM1.00 sesaham. Selepas itu, MVSb memperoleh tambahan 599,999 saham biasa baharu GTSB dengan pertimbangan berjumlah RM599,999.</p> <p>a) Pada tahun kewangan berakhir 31 Julai 2023, MESSB dan GTSB adalah syarikat dorman meskipun terdapat suntikan modal ke dalam kedua-dua syarikat subsidiari ini seperti yang dinyatakan di atas. Bilakah MESSB dan GTSB akan mula beroperasi? Adakah aktiviti utama syarikat-syarikat ini?</p>



	<p>b) Sejauh manakah MESSB dan GTSB akan menyumbang kepada pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2024?</p>
<p>Xidelang Holdings Ltd (AGM)</p>	<p>Margin Untung Kasar (<i>gross profit margin, GPM</i>) Kumpulan untuk tahun kewangan berakhir 2023 berada pada tahap 9.4% (tahun kewangan berakhir 2022: 10.2%), terutamanya disebabkan oleh peningkatan keseluruhan dalam kos pengeluaran selepas pandemik COVID-19, yang sebahagiannya diselaraskan oleh peningkatan dalam purata harga jualan seunit (Halaman 10, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Memandangkan GPM Kumpulan menyusut sedikit daripada dua digit kepada satu digit, apakah prospek GPM pada tahun kewangan berakhir 2024? Adakah Kumpulan menjangkakan GPM akan kekal pada tahap yang sama pada tahun kewangan berakhir 2024?</p> <p>b) Bagaimanakah Kumpulan dapat meningkatkan semula GPM mereka, iaitu kembali kepada GPM dua digit?</p>
<p>Iconic Worldwide Berhad (EGM)</p>	<p>Tanah Subjek yang terletak di Paya Terubong telah dizonkan sebagai 'hutan' dan terletak di dalam kawasan tanah berbukit bukau pada ketinggian melebihi 76 meter di Kawasan Sensitif Alam Sekitar Pulau Pinang, yang merupakan sebahagian daripada Rancangan Struktur Pulau Pinang 2030.</p> <p>Oleh yang demikian, pemilik tanah hendaklah membuat permohonan pengezonan semula dengan Kerajaan Negeri bagi membangunkan Tanah tersebut. Selepas permohonan pengezonan semula itu diluluskan, pemilik tanah perlu membayar premium pengezonan semula yang dianggarkan kira-kira RM4 hingga RM5 juta.</p> <p>Tanah yang dilabelkan sebagai 'tanah bukit' sering terdedah kepada isu seperti hakisan, tanah runtuh dan ketidakstabilan tanah (Halaman 9, Pekeliling bertarikh 7 Disember 2023). Kami khuatir permohonan pengezonan semula ini akan ditolak.</p> <p>Ini adalah berikutan kenyataan yang dibuat oleh BYG Planner Sdn Bhd (firma yang dilantik untuk memaklumkan kemungkinan mendapatkan kelulusan pengezonan semula) yang menyatakan bahawa, '<i>Walaupun kes ini berisiko besar, namun permohonan itu masih berada dalam kedudukan yang baik untuk mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang.</i>' (Halaman 253, Pekeliling)</p> <p>a) Melihat tahap tunai IWB yang rendah (tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM1.69 juta pada 21 November 2023), apakah keperluan mendesak untuk menandatangani perjanjian ini yang mempunyai tahap ketidakpastian yang tinggi, terutamanya yang berkaitan status pengezonan Tanah Subjek?</p>

	<p>Sebaliknya, IWB boleh melaburkan semula sumber tersebut ke dalam projek pembangunan baharu di atas bank tanah sedia ada yang seluas 23.86 ekar (Halaman 41, Pekeliling bertarikh 7 Disember 2023) dan pembuatan sarung tangan.</p> <p>b) Adakah Lembaga atau pihak Pengurusan mempertimbangkan pilihan lain, contohnya, memperoleh tanah yang mempunyai tahap risiko alam sekitar yang lebih rendah? Apakah pilihan lain yang dipertimbangkan sebelum Lembaga Pengarah bersetuju dan membentangkan Cadangan ini kepada para pemegang saham?</p> <p>c) Sekiranya permohonan pengezonan semula untuk Tanah Subjek ini tidak diluluskan, Kumpulan tidak akan dapat merealisasikan faedah yang dijangkakan daripada Cadangan Pengambilalihan tersebut dan Kumpulan akhirnya menjadi pemilik tanah terbiar dengan potensi pertumbuhan yang terhad.</p> <p>Tambahan pula, IWB perlu menanggung kos proses pengezonan semula dan kos-kos yang berkaitan dengan Cadangan Pengambilalihan.</p> <p>Mengapakah Golden Luck tidak membuat permohonan untuk pengezonan semula sebelum tanah itu dijual kepada IWB? Memandangkan betapa pentingnya perkara itu, bukankah kelulusan pengezonan semula sepatutnya menjadi sebahagian daripada syarat-syarat yang perlu dipenuhi terlebih dahulu? (Halaman 187, Lampiran 1, Pekeliling bertarikh 7 Disember 2023)</p> <p>Tindakan sedemikian akan melindungi kepentingan IWB dan pemegang saham minoritinya serta mengurangkan risiko pengoperasian IWB.</p> <p>d) Jika Tanah Subjek gagal dizonkan semula, IWB akan mempertimbangkan untuk menjual Tanah Subjek (Halaman 136, Pekeliling).</p> <p>Apakah kemungkinan Tanah Subjek dapat dilupuskan sekiranya Kerajaan Negeri tidak meluluskan permohonan pengezonan semula?</p>
<p>EUPE Corporation Berhad (EGM)</p>	<p>Sekiranya Sasaran Prestasi dan/ atau syarat-syarat lain yang dikenakan (jika ada) tidak dipenuhi, Jawatankuasa Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP) boleh, mengikut budi bicara mutlak mereka, menentukan jumlah Anugerah Pelan Geran Saham (<i>Share Grant Plan, SGP</i>) yang akan diberikan. (Halaman 41, Pekeliling)</p> <p>Mengapakah Jawatankuasa LTIP masih menganugerahkan SGP kepada Penerima jika mereka tidak memenuhi Sasaran Prestasi yang ditetapkan untuk mereka? Ini bertentangan dengan semangat yang tersirat di sebalik Anugerah SGP yang</p>

	bertujuan memotivasikan pengarah eksekutif dan pengurusan kanan supaya berprestasi tinggi.
--	--

### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))  
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))  
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))  
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))  
Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([yan.laikuan@mswg.org.my](mailto:yan.laikuan@mswg.org.my))  
Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([lam.junket@mswg.org.my](mailto:lam.junket@mswg.org.my))

---

### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

---

### PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.